KEMENTERIAN PENDIDIKAN

# UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK
# Tingkatan 3 Sesi 2022/2023

## Bahasa Melayu
## (02/1)

# PANDUAN PENSKORAN

| Soalan | Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| | BAHAGIAN A | |
| 1 | B | 1 |
| 2 | D | 1 |
| 3 | C | 1 |
| 4 | C | 1 |
| 5 | B | 1 |
| 6 | B | 1 |
| 7 | D | 1 |
| 8 | A | 1 |
| 9 | A | 1 |
| 10 | C | 1 |
| 11 | C | 1 |
| 12 | B | 1 |
| 13 | C | 1 |
| 14 | C | 1 |
| 15 | A | 1 |

| Soalan | Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| | **BAHAGIAN B** | |
| 1 | (i) sering kali<br>(ii) efisien | [2 *markah*] |

| Soalan | Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| | **BAHAGIAN B** | |
| 2 | i. dalam - pada<br>ii mengirimkan - mengirimi | [2 *markah*] |

| Soalan | Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| | **BAHAGIAN B** | |
| 3 | i Awak hendak ke Kuala Lumpur menaiki bas? Awak hendak ke Kuala Lumpur menaiki kereta api?<br>ii Azman keletihan Azman selesai bermain badminton dengan rakan-rakannya | [4 *markah*] |

| Soalan | Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| | **BAHAGIAN B** | |
| 4 | Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat | [2 *markah*] |

| Soalan | Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| | **BAHAGIAN B** | |
| 5(a) | Farid - perniagaan batik<br>Parjo - menjual tapai ubi | [3 *markah*] |

| Soalan | Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| 5(b) | 1. Gigih dalam meneruskan sesuatu perkara.<br>2. Tabah dalam menghadapi dugaan hidup.<br>3. Rajin dalam menguruskan sesuatu perkara.<br><br>***Pilih mana-mana dua jawapan sahaja*** | [3 *markah*] |

| Soalan | Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| 5(c) | 1. kehidupan semakin baik.<br>2. cepat naik pangkat / jawatan.<br>3. dapat menambah pendapatan.<br>4. masyarakat akan memandang baik terhadap seseorang.<br><br>***pilih mana-mana tiga sahaja*** | [4 *markah*] |

| Soalan | Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| 6 | **BAHAGIAN B** | |

**Rubrik Penskoran**

**Bahagian B : Soalan 6: Novel**

**Pembahagian Markah**

| PERINCIAN | MARKAH |
|---|---|
| Isi | 6 markah |
| Bahasa | 4 markah |

**Kriteria Markah Bahasa**

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
|---|---|---|
| Cemerlang | 4 markah | • Bahasa baik dan lancar<br>• Ayat gramatis<br>• Ejaan dan tanda baca yang betul |
| Baik | 2 - 3 markah | • Bahasa masih baik dan masih lancar<br>• Penggunaan ayat masih gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum<br>• Kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum |
| Kurang Memuaskan | 1 markah | • Bahasa tidak cekap<br>• Ayat tidak gramatis<br>• Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara |

**Markah Isi**

1. Satu contoh peristiwa yang relevan dengan persoalan seperti yang dinyatakan dalam rajah serta merujuk kepada watak yang dinyatakan. : 2 markah
   Isi cukup = 3 isi / 3 peristiwa
2. Satu contoh peristiwa lain yang relevan dengan persoalan seperti yang dinyatakan dalam rajah tetapi tidak dikaitkan dengan watak yang dinyatakan. : 1 markah

**NOVEL TINGKATAN 3**
**JUSTERU IMPIAN DI JARING**
**(Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak)**

| Persoalan | [Peristiwa yang berkait dengan persoalan yang dinyatakan dan merujuk kepada watak Syahir] | |
|---|---|---|
| **Kegigihan seorang remaja dalam mencapai impian** | 1 | Syahir gigih belajar dan berjaya memperoleh keputusan yang cemerlang dalam Penilaian Menengah Rendah bagi membuktikan kepada bapanya dia tetap mampu berjaya dalam pelajaran walaupun dia aktif dalam sukan badminton. |
| | 2 | Syahir gigih menjalani latihan badminton bersama-sama rakan sepasukannya di Kompleks Sukan Melawati |
| | 3 | Syahir gigih mempertahankan syariah sebagai seorang Islam walaupun dia aktif dalam sukan badminton dan sering menerima ejekan dan cemuhan daripada pelbagai pihak. |
| | 4 | Syahir gigih berjuang ketika melawan Syed Amiri pada peringkat suku akhir Kejohanan Terbuka Johor walaupun dia berdepan dengan sikap pengadil yang berat sebelah. |
| | 5 | Syahir tetap gigih menjalani latihan selepas Kejohanan Terbuka Johor dan dia tidak mendapat tempat ke Kejohanan Remaja Dunia di Jakarta. |
| | 6 | Syahir gigih menjalani latihan di bawah bimbingan Haji Marzuki. |
| | 7 | Syahir gigih belajar dan berjaya memperoleh keputusan yang cemerlang dalam Penilaian Menengah Rendah bagi membuktikan kepada bapanya dia tetap mampu berjaya dalam pelajaran walaupun dia aktif dalam sukan badminton. |

* Terima jawapan-jawapan lain yang relevan.

**NOVEL TINGKATAN 3**
**TAWANAN KOMANDER CAUCASUS**
**(Selangor, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya)**

| Persoalan | [Peristiwa yang berkait dengan persoalan yang dinyatakan dan merujuk kepada watak Farhani] | |
|---|---|---|
| Kegigihan remaja dalam menghadapi dan menyelesaikan cabaran | 1 | Farhani berusaha mencari kumbang untuk menyelesaikan tugasan yang diberikan oleh cikgu Salimah untuk menyiapkan zoo mini serangga. |
| | 2 | Farhani berusaha mencari serangga/kumbang di dalam dusun datuknya seorang diri kerana rakannya Mira dan Chea Mei yang lewat sampai. |
| | 3 | Farhani berusahan memasuki rumah usang walaupun rumah using tersebut dipenuhi oleh sawang labah-labah dan akar-akar kecil |
| | 4 | Farhani bersungguh-sungguh melepaskan tangannya daripada cengkaman Bara sambal merayu kepada Bara supaya melepaskannya. |
| | 5 | Farhani berusaha menyelamatkan Kim Yong daripada dikurung di dalam balang tabung uji raksasa dengan cara mengetuk-ngetuk balang tersebut dan mencari suis untuk membuka balang tabung uji. |
| | 6 | Farhani sanggup berjalan dalam terowong yang gelap dan lembab selama dua jam untuk membebaskan dirinya daripada tawanan Komander Causasus. |
| | 7 | Farhani dan kawan-kawannya sanggup meredah hutan sejauh lima kilometer bagi melarikan diri daripada Komander Caucasus |
| | 8 | Farhani dan Kim Yong berusaha mencari jalan untuk membantu kawan-kawannya, Puteri Cleoptera dan Bara bebas daripada tawanan Komander Caucasus. |
| | 9 | Farhani bersama-sama Kim Yong, dan Dara Merah mengatur strategi dengan memasuki mahligai Caucasus untuk membebaskan kawan-kawannya daripada tawanan Komander Caucasus. |
| | 10 | Farhani berusaha menyelamatkan kawan-kawannya dan Puteri Cleoptera, berpakat dengan Dara Merah memasukkan cecair endosulfan ke dalam minuman Caucasus. |
| | 11 | Farhani berusaha mengalahkan tentera Caucasus dengan cara menyemburkan cecair endosulfan kepada mereka. |
| | 12 | Farhani bersungguh-sungguh memberi salam,menekan loceng dan mengetuk daun pintu bertalu-talu untuk masuk ke rumahnya dengan harapan pintu rumah dibuka oleh keluarganya tetapi tidah berhasil. |
| | 13 | Farhani dan kawan-kawannya berusaha mencari jalan memulihkan diri mereka yang halimunan dengan pergi semula ke kerajaan kumbang untuk mendapatkan serum penyembuhan dari makmal kumbang. |

* Terima jawapan-jawapan lain yang relevan.

**NOVEL TINGKATAN 3**
**CHOT**
**(Kelantan, Terengganu, Melaka dan Pahang)**

| Persoalan | [Peristiwa yang berkait dengan persoalan yang dinyatakan dan merujuk kepada watak Alias] | |
|---|---|---|
| Kegigihan remaja dalam menimba ilmu | 1 | Alias sengaja bersembahyang subuh dan sembahyang pada waktu-waktu yang lain di sisi ibunya supaya mudah ibunya menegur bacaan Alias. |
| | 2 | Walaupun matahari telah naik tinggi, Alias tetap ke sekolah walau dia sedar dia telah lewat dan bakal dimarahi oleh Cikgu Sunan. |
| | 3 | Walaupun salam Alias tidak dijawab oleh Cikgu Sunan, dia terus duduk dan menyalin soalan Matematik dengan tunduk dan tekun . |
| | 4 | Jika ada yang hendak mengupah Alias dan Chot untuk memetik kelapa, dia akan menghadap ibunya dahulu untuk membaca Al-Quran selama sejam atau setengah jam. |
| | 5 | Alias terus cuba menghabiskan latihan Matematik yang diberikan oleh Cikgu Sunan pada malam itu juga walaupun latihan itu sangat susah. |
| | 6 | Alias akan berbincang latihan Matematik yang diberikan oleh Cikgu Sunan sekiranya Som datang mengaji. |
| | 7 | Alias belajar petua asas menyuruh Chot memanjat dan memetik buah kelapa daripada bapanya, walaupun pada mulanya memang sukar kerana Chot degil, namun setelah berkali-kali, akhirnya Chot mengikut arahan. |
| | 8 | Semasa rehat daripada memetik kelapa, telinga Alias sakit berdenyut-denyut namun dia cuba membaca buku agar mudah menjawab soalan sekiranya ditanya oleh Cikgu Sunan. |
| | 9 | Alias menelaah buku Pendidikan Islam yang diselit di pinggang ketika berehat daripada memetik kelapa di kebun Pak Din. |
| | 10 | Setiap petang Alias akan ke rumah Som untuk mengambil nota dan menyalin kerja rumah yang diberikan oleh Cikgu Sunan. |
| | 11 | Oleh sebab Alias sangat minat dengan mata pelajaran Matematik, dia menyiapkan kerja rumah Matematik kepunyaan Som yang susah |

* Terima jawapan-jawapan lain yang relevan.

**NOVEL TINGKATAN 3**
**HEMPASAN OMBAK**
**(Johor, Sabah, Sarawak dan W.P Labuan)**

| Persoalan | [Peristiwa yang berkait dengan persoalan yang dinyatakan dan merujuk kepada watak Farid] | |
|---|---|---|
| Kegigihan remaja dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan | 1 | Farid mencari fail-fail berkaitan hutang dna bertanya kepada Kak Tomsiah |
| | 2 | Farid sentiasa mengunjungi bangsal batik untuk melihat gerak kerja pekerjanya. |
| | 3 | Farid gigih menyelesaikan hutang syarikat. |
| | 4 | Farid gigih membuat perancanagn / strategik untuk membangunkan syarikat / perniagaan. |
| | 5 | Farid dan Zuraidah mencari ejen-ejen baharu untuk memasarkan hasil keluaran syarikat. |
| | 6 | Farid gigih menuntut ilmu untuk memajukan perniagaan batik (daripada Zuraidah / Mokhsein / Tomsiah ) |
| | 7 | Farid mengatur strategi untuk menyelesaikan masalah hutang |
| | 8 | Farid gigih memadamkan api yang marak untuk menyelamatkan bangsal daripada dijilat api. |

* Terima jawapan-jawapan lain yang relevan.

| | |
|---|---|
| | [10 *markah*] |

| Soalan | Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| 1 | **BAHAGIAN C** | [15 *markah*] |